

## TAWARAN A

**PERMOHONAN KEMUDAHAN CUTI BELAJAR  
UNTUK MENGIKUTI KURSUS DALAM PERKHIDMATAN KEPADA  
PEGAWAI KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL (P&P)  
(BUKAN GUNASAMA)  
DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM)  
SECARA SEPENUH MASA SESI 2024/2025**

- i. Permohonan Tawaran A terbuka kepada semua pegawai **Kumpulan Pengurusan & Profesional (Bukan Gunasama) Lantikan Tetap dan Pegawai Pergigian Lantikan Kontrak di KKM** yang memenuhi syarat-syarat permohonan.
- ii. Pegawai boleh memohon kursus peringkat berikut:
  - i) Sarjana (selain Sarjana Perubatan); atau
  - ii) Kedoktoran (Ph.D).
  - **Kursus *Area of Special Interest (AOSI)* dan Subkepakaran Pergigian TIDAK DITAWARKAN pada Sesi 2024/2025.**
  - **Tawaran A ini tidak dibuka kepada Pakar Perubatan. Pakar Perubatan perlu memohon melalui Program Subkepakaran (Tawaran C) mengikut tempoh penawaran iklan.**
- iii. Pegawai perlu memilih salah satu kategori Cuti Belajar berikut untuk pengajian Sesi 2024/2025 iaitu:
  - i) **Cuti Belajar Bergaji Penuh Dengan Hadiah Latihan Persekutuan (CBBP Dengan HLP)** bagi Kursus Dalam Negara dan Luar Negara (hanya bagi bidang kritikal yang tidak ditawarkan Dalam Negara);

**ATAU**

- ii) **Cuti Belajar Bergaji Penuh Tanpa Hadiah Latihan Persekutuan (CBBP Tanpa HLP) (Tajaan Sendiri/ Tajaan Luar)** bagi Kursus Dalam dan Luar Negara;

**ATAU**

- iii) **Cuti Belajar Tanpa Gaji Tanpa Hadiah Latihan Persekutuan (CBTG Tanpa HLP) (Tajaan Sendiri/ Tajaan Luar)** bagi Kursus Dalam dan Luar Negara.

***Permohonan Cuti Belajar Dengan Tajaan Luar hendaklah melalui Tawaran A sahaja.***

**PERMOHONAN TAWARAN A:  
KUMPULAN PENGURUSAN & PROFESIONAL (BUKAN GUNASAMA)  
LANTIKAN TETAP DAN  
PEGAWAI PERGIGIAN LANTIKAN KONTRAK  
UNTUK MENGIKUTI KURSUS DALAM PERKHIDMATAN  
SECARA SEPENUH MASA SESI 2024/2025**

---

**SYARAT-SYARAT PERMOHONAN**

Pegawai hendaklah memenuhi syarat-syarat am seperti berikut:

1. Mempunyai pengetahuan, kemahiran, pengalaman, minat dan perwatakan/sikap yang sesuai bagi menentukan kejayaan dalam pengajian dan seterusnya berupaya memberi sumbangan ke arah meningkatkan keberkesanan perkhidmatan dan organisasi. Pegawai juga hendaklah mempunyai kelayakan Ijazah Pertama yang diiktiraf atau kelayakan yang setaraf dengannya;
2. **LANTIKAN TETAP**  
Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) (Bukan Gunasama) yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan **tetap dan telah disahkan dalam perkhidmatan terkini**;
3. **LANTIKAN KONTRAK**
  - i) **Pegawai Pergigian KKM Lantikan Kontrak sebelum 1 Januari 2020 yang dilantik tetap sehingga tarikh tutup permohonan**;
  - ii) **Pegawai Pergigian KKM Lantikan Kontrak** di bawah Surat Pekeliling Ketua Setiausaha (SPKSU) Bil 4/2016 dan masih dalam perkhidmatan pada tarikh tutup permohonan; atau
  - iii) Pegawai Pergigian KKM Lantikan Kontrak yang mendapat tawaran kesinambungan perkhidmatan bagi persediaan pengajian kepakaran seperti yang diperuntukkan dalam surat edaran Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) rujukan KKM-500-8/1/20 Jld. 8 (11) bertarikh 5 Januari 2022;
4. **Telah berkhidmat** sekurang-kurangnya selama **tiga (3) tahun bagi gred P&P** di mana lantikan selewat-lewatnya sebelum atau pada **1 Januari 2020**;
5. Berumur tidak melebihi **45 tahun** bagi pengajian peringkat **Ijazah Kedokteran (Ph.D)** dan tidak melebihi **50 tahun** bagi kursus peringkat **Sarjana pada 1 Januari 2024**;

6. **BAGI PEGAWAI PERGIGIAN YANG MEMOHON SARJANA PERGIGIAN**

Mencapai purata markah minimum Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) **85% bagi mana-mana tiga (3) tahun yang tertinggi daripada lima (5) tahun terakhir** perkhidmatan pegawai. Penilaian setahun LNPT hendaklah genap 12 bulan.

**Pengecualian penilaian genap 12 bulan bagi tahun penilaian hanya diberikan kepada Pegawai Pergigian wanita yang pernah mengambil Cuti Tanpa Gaji (CTG) atau Cuti Separuh Gaji (CSG) untuk menjaga anak tidak melebihi 90 hari dalam tahun penilaian sebagaimana ketetapan Pekeliling Perkhidmatan Bil 5 Tahun 2014;**

**LAIN-LAIN SKIM PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**

Mencapai purata markah minimum Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) **85% bagi tempoh tiga (3) tahun terakhir berturut-turut (2020, 2021, 2022)** dalam skim perkhidmatan terkini. Penilaian setahun LNPT hendaklah genap 12 bulan.

7. Mematuhi syarat genap tempoh tamat mengikuti kursus jangka pendek/ sederhana/ panjang yang terdahulu **dengan jayanya** seperti berikut;

<b>Tempoh Kursus</b>	<b>Tempoh Menunggu (sehingga 1 Januari 2024)</b>
Lebih daripada 12 bulan	2 tahun
Lebih daripada 3 bulan sehingga genap 12 bulan	1 tahun
3 bulan dan ke bawah	Tiada

8. Pegawai hanya dibenarkan memohon kursus pada peringkat yang lebih tinggi daripada kelayakan akademik yang telah dimiliki. Contohnya, pegawai yang telah berjaya memiliki Ijazah Sarjana melalui Cuti Belajar atau Cuti Kursus Sambilan atau tajaan Sendiri tidak layak dipertimbangkan bagi permohonan Sarjana kali kedua;

9. Pegawai masih **belum mendapat tempat** di mana-mana institusi pengajian tinggi di dalam/ luar negara **ATAU** pegawai **telah mendapat tempat pengajian tetapi belum memulakan pengajian** di mana-mana institusi pengajian tinggi di dalam/ luar negara layak memohon CBBP Dengan HLP/ CBBP Tanpa HLP/ CBTG Tanpa HLP;

10. Sekiranya pegawai telah mengikuti pengajian secara separuh masa dengan tempoh pengajian masih **berbaki sekurang-kurangnya tiga (3) semester** pada tarikh tutup permohonan, pegawai boleh memohon CBBP Dengan HLP/ CBBP Tanpa HLP/ CBTG Tanpa HLP.

Walau bagaimanapun, pegawai perlu menukar mod pengajian dari **Separuh Masa ke Sepenuh Masa** atau mendapat pengesahan belajar Sepenuh Masa dari institusi pengajian/ universiti jika berjaya ditawarkan Cuti Belajar;

11. Pegawai yang pernah diluluskan cuti belajar tetapi **gagal kerana kelemahan akademik tidak layak diberi kemudahan cuti belajar dari kategori yang sama**. Pegawai berkenaan hanya boleh dipertimbangkan kemudahan cuti belajar di bawah kategori yang lebih rendah daripada kategori cuti belajar yang telah diluluskan sebelumnya. Contohnya, pegawai yang pernah diluluskan CBBP Dengan HLP tetapi gagal disebabkan oleh kelemahan akademik hanya layak dipertimbangkan CBTG Tanpa HLP setelah atau dalam tempoh menyelesaikan hutang (tuntutan penalti/ ganti rugi);
12. Pegawai **tidak dibenarkan** menukar kaedah Cuti Belajar yang telah ditawarkan semasa dalam pengajian. Contohnya, pegawai yang telah menerima tawaran CBBP Tanpa HLP tidak dibenarkan memohon CBBP Dengan HLP semasa dalam pengajian;
13. Pegawai tidak pernah menerima sebarang tajaan Kerajaan Malaysia bagi peringkat kursus yang sama;
14. Pegawai **tidak pernah menarik diri** daripada sebarang kursus tajaan Kerajaan Malaysia. Pegawai yang menarik diri dari pengajian tidak layak ditawarkan Biasiswa Dalam Perkhidmatan dan tidak layak dipertimbangkan sebarang bentuk cuti belajar di sepanjang tempoh berkhidmat dengan Kerajaan;
15. Pegawai yang pernah **menolak tawaran CBBP Dengan/ Tanpa HLP** bagi Program Sarjana/ Kedoktoran (Ph.D) yang ditawarkan oleh Kerajaan Malaysia akan disenarai hitam dari memohon Cuti Belajar untuk **dua (2) sesi penawaran**;
16. Pegawai bersih/ bebas daripada sebarang pertuduhan/ prosiding dan tindakan tatatertib, siasatan dan/ atau dalam proses dakwaan mahkamah;

17. Pegawai dikehendaki membuat perakuan mengenai status kesihatan masing-masing. Masalah kesihatan tertentu boleh menyebabkan pegawai tidak dapat memenuhi tanggungjawab profesional dan peribadinya, dan seterusnya boleh menyebabkan pegawai tidak dapat meneruskan pengajian disebabkan oleh penyakit fizikal atau mental;
18. Bagi pegawai yang mempunyai masalah kesihatan seperti di **Lampiran A**, kesesuaian untuk diterima menjalani latihan kepakaran akan ditentukan oleh pihak Universiti/ Institusi masing-masing. Pegawai perlu mengemukakan laporan perubatan dari pakar perubatan Kerajaan untuk mengesahkan status kesihatan dan rawatan terkini;
19. Pegawai telah mengisytiharkan harta dalam tempoh lima (5) tahun terkini;
20. Pegawai bukan merupakan Peminjam Tegar atau peminjam yang disenarai hitamkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) atau badan-badan pinjaman Kerajaan yang lain;
21. Pegawai yang bercadang untuk memohon CBBP tanpa HLP dan Cuti Belajar Tanpa Gaji (CBTG) (Dengan Tajaan Sendiri/ Tajaan Luar/ Biasiswa Asing) bagi Sesi 2024/2025 **diwajibkan** untuk memohon melalui penawaran iklan Tawaran A sahaja. **PERMOHONAN DI LUAR IKLAN ADALAH TIDAK DIBENARKAN** berdasarkan Surat KSU no. Ruj: KKM.500-3/4/9 Jld. 22 (26) bertarikh 27 Januari 2022; dan
22. Semua permohonan yang dikemukakan hendaklah mematuhi prinsip-prinsip asas yang dinyatakan dalam surat **JPA(L)S.175/4/1-1 KLT.8(22) – “Garis Panduan Kemudahan Cuti Belajar Kepada Pegawai Awam Yang Mengikuti Kursus Jangka Sederhana dan Kursus Jangka Panjang Secara Sepenuh Masa”** dan **“Garis Panduan Program Latihan Kepakaran Pengurusan & Profesional Skim Bukan Gunasama, Kementerian Kesihatan Malaysia”**.

## CARA UNTUK MEMOHON

1. Permohonan Tawaran A adalah secara dalam talian (*online*) menerusi Sistem Permohonan eHLP KKM (<http://ehlp.moh.gov.my>).
2. Setelah lengkap menghantar permohonan di sistem eHLP, pegawai perlu mengemukakan dokumen tambahan melalui pautan *Google Form* yang dinyatakan pada **Lampiran B**.
3. **DOKUMEN TAMBAHAN – LAMPIRAN B**
  - i) Maklumat terperinci berkaitan dokumen tambahan mengikut Program boleh diperolehi di laman sesawang <http://ehlp.moh.gov.my> (Dokumen Muat Turun → Surat Penawaran Iklan → P&P → Tawaran A);
  - ii) Pegawai perlu memuat naik dokumen tambahan termasuklah penyediaan Kertas Cadangan Penyelidikan (*Proposal Paper*)/ disertasi bagi kesemua mod pengajian. **PASTIKAN SEMUA DOKUMEN TAMBAHAN ADALAH LENGKAP DAN DIMUAT NAIK BAGI MENGELAKKAN PERMOHONAN DITOLAK;**
  - iii) Dokumen tambahan hanya boleh dihantar **sekali sahaja** dan tidak boleh dipinda selepas penghantaran melalui pautan *Google Form*; dan
  - iv) Tarikh tutup penghantaran Dokumen Tambahan melalui pautan *Google Form* adalah **pada tarikh tutup permohonan Tawaran A;**
4. Pegawai hanya dibenarkan memohon bidang kursus yang ditawarkan melalui iklan tawaran KKM sahaja; dan
5. Pegawai hanya dibenarkan memohon **bidang yang berkaitan dengan tugas semasa serta berkaitan dengan Skim Perkhidmatan berkenaan sahaja**. Pegawai tidak dibenarkan memohon bidang lain. Contohnya: Skim Pengajar tidak dibenarkan untuk memohon untuk Program Kejururawatan.

## TAWARAN A – PROGRAM SARJANA/KEDOKTORAN (PH.D)

1. Tajaan CBBP Dengan HLP pada Sesi 2024/2025 **hanya ditawarkan bagi kursus di dalam negara sahaja kecuali bagi bidang kritikal yang tidak ditawarkan dalam negara.**
2. **Hanya pegawai yang layak tapisan KKM akan dipertimbangkan untuk mengikuti pengajian.** Pegawai yang tidak memohon atau tidak melepasi tapisan KKM **walaupun telah ditawarkan tempat pengajian di institusi** tidak akan dipertimbangkan **sebarang** Cuti Belajar.
3. Pegawai yang berjaya melepasi semua saringan akan ditawarkan:
  - i) **Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP) Dengan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP); atau**
  - ii) **Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP) Tanpa Hadiah Latihan Persekutuan (HLP); atau**
  - iii) **Cuti Belajar Tanpa Gaji (CBTG) Tanpa Hadiah Latihan Persekutuan (HLP).**
4. Surat tawaran bersyarat dan dokumen perjanjian akan dikeluarkan kepada pemohon yang berjaya sahaja oleh Bahagian Pengurusan Latihan (BPL) melalui Sistem Permohonan eHLP KKM yang boleh dicapai melalui laman sesawang <http://ehlp.moh.gov.my>.
5. Tempoh sah tawaran bersyarat adalah selama setahun. Oleh yang demikian, pegawai yang menerima Tajaan Luar dikehendaki memaklumkan kepada BPL bagi urusan kelulusan Cuti Belajar selanjutnya.
6. Pegawai yang menerima tawaran ini **adalah terikat untuk berkhidmat dengan Kerajaan Malaysia** bagi suatu tempoh yang dinyatakan dan ganti rugi sebanyak yang dinyatakan di dalam kontrak perjanjian pegawai dengan Kerajaan Malaysia.

## **PERINGATAN PENTING KEPADA SEMUA PEGAWAI**

1. Permohonan Cuti Belajar bagi Tawaran A Sesi 2024/2025 adalah secara dalam talian sepenuhnya menerusi Sistem Permohonan eHLP KKM (<http://ehlp.moh.gov.my>). Permohonan dibuka mulai **11 September 2023** hingga **9 Oktober 2023**.
2. Semua kaedah permohonan Cuti Belajar berikut **diwajibkan** untuk memohon melalui penawaran iklan Tawaran A sahaja.
  - i) CBBP Dengan HLP;
  - ii) CBBP Tanpa HLP;
  - iii) CBTG Tanpa HLP;
  - iv) CBBP Tanpa HLP/CBTG Tanpa HLP (Dengan Tajaan Luar/ Biasiswa Asing)

### **PERMOHONAN DI LUAR IKLAN ADALAH TIDAK DIBENARKAN.**

3. Pemohon dinasihatkan untuk merujuk kepada Unit Sumber Manusia terlebih dahulu sebelum membuat pengisian maklumat perkhidmatan seperti tarikh lantikan, LNPT dan Cuti Tanpa Gaji/ Cuti Separuh Gaji kerana **jika pengisian tidak tepat menyebabkan permohonan [TIDAK BERJAYA]**. Pegawai boleh merujuk Lampiran I sebagai rujukan Unit Sumber Manusia yang menjaga Buku Rekod Perkhidmatan.  
*(Sila hubungi pihak urus setia jika Unit Sumber Manusia tiada dalam sistem eHLP)*
4. Permohonan akan melalui Unit Sumber Manusia bagi tujuan pengesahan maklumat sebelum dipanjangkan kepada Ketua Jabatan. Pemohon dinasihatkan untuk membuat *follow up* dengan Unit Sumber Manusia sekiranya permohonan belum diambil tindakan pengesahan.
5. Sekiranya kesemua maklumat telah diperakui oleh Unit Sumber Manusia, notifikasi permohonan akan dihantar melalui e-mel kepada Ketua Jabatan. Pemohon boleh menyemak status penghantaran permohonan secara berkala bagi mengetahui status semasa permohonan anda.
6. Permohonan yang tidak diambil tindakan pengesahan dan tidak dihantar selepas tarikh tutup pengesahan akan dikemaskini secara automatik kepada **[TIDAK BERJAYA]** dan catatan keputusan dipaparkan kepada



pemohon sebagai '**Tiada tindakan pengesahan maklumat oleh Unit Sumber Manusia**'. Tarikh akhir bagi pengesahan Unit Sumber Manusia adalah pada **16 Oktober 2023**.

7. Sila pastikan e-mel Ketua Jabatan adalah betul kerana e-mel ini akan digunakan untuk penghantaran pautan sokongan. **Senarai Ketua Jabatan adalah seperti di Lampiran B (mengikut program masing-masing)**.
8. Pemohon dinasihatkan untuk membuat *follow up* dengan Ketua Jabatan sekiranya permohonan belum diambil tindakan sokongan.
9. Permohonan yang tidak diambil tindakan sokongan dan tidak dihantar selepas tarikh tutup sokongan akan dikemaskini secara automatik kepada **[TIDAK BERJAYA]** dan catatan keputusan dipaparkan kepada pemohon sebagai '**Tiada tindakan sokongan permohonan oleh Ketua Jabatan**'. **Tarikh akhir bagi sokongan Ketua Jabatan adalah pada 16 Oktober 2023**.
10. Setelah permohonan diisi dengan lengkap dan dihantar di sistem eHLP, pegawai wajib mengemukakan dokumen tambahan mengikut syarat-syarat Program melalui pautan **Google Form** yang telah dinyatakan di **Lampiran B** bagi mengelakkan permohonan ditolak. **Dokumen hanya boleh dihantar sekali sahaja dan tidak boleh dipinda selepas penghantaran melalui Google Form**. **Tarikh akhir bagi penghantaran Dokumen Tambahan adalah pada 09 Oktober 2023**.
11. Panduan Permohonan, Sumber Manusia dan Ketua Jabatan boleh dirujuk di laman sesawang <http://ehlp.moh.gov.my>.
12. Pegawai perlu menyemak saringan kelayakan temu duga yang akan dihebahkan melalui Postmaster KKM, laman sesawang KKM, BPL dan sistem eHLP. Temu duga akan diadakan secara bersemuka.

13. Tarikh-tarikh penting adalah seperti berikut (**tertakluk kepada pindaan**):

BIL.	PERKARA	TARIKH
i.	Tempoh permohonan Cuti Belajar dibuka di laman sesawang Sistem Permohonan eHLP KKM ( <a href="http://ehlp.moh.gov.my">http://ehlp.moh.gov.my</a> ) dan penghantaran Dokumen Tambahan	11 September 2023 hingga 09 Oktober 2023
ii.	Tarikh akhir bagi pengesahan Unit Sumber Manusia dan sokongan Ketua Jabatan	16 Oktober 2023
iii.	Semakan kelayakan temu duga di laman sesawang Sistem Permohonan eHLP KKM ( <a href="http://ehlp.moh.gov.my">http://ehlp.moh.gov.my</a> )	Disember 2023
iv.	Urusan temu duga	Januari – Februari 2024
v.	Semakan keputusan tawaran di laman sesawang Sistem Permohonan eHLP KKM ( <a href="http://ehlp.moh.gov.my">http://ehlp.moh.gov.my</a> )	April 2024

14. Pegawai adalah diingatkan agar memohon bidang/ kursus yang ditawarkan seperti di **Lampiran B. Permohonan yang tidak mengikut bidang/kursus seperti di lampiran tersebut dan tidak selaras dengan keperluan perkhidmatan KKM tidak akan dipertimbangkan.**

15. Sila ambil maklum bahawa penerima biasiswa/Cuti Belajar adalah tertakluk kepada **Dasar Pelaksanaan Tindakan Penalti Kepada Pemegang Biasiswa Dalam Perkhidmatan Yang Gagal Menamatkan Pengajian Dengan Jaya** seperti yang disertakan sebagaimana yang telah ditetapkan oleh JPA.

## TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN/PENYELIA

1. Ketua Jabatan/Penyelia adalah dinasihatkan supaya membuat semakan yang teliti dan memberi **sepenuh perhatian kepada syarat-syarat yang ditetapkan**. Tanggungjawab Ketua Jabatan/Penyelia adalah **memperakukan pegawai yang benar-benar sesuai, berkelayakan serta memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan**.
2. Ketua Jabatan/Penyelia adalah diminta untuk membuat perancangan yang teliti dan hanya memperakukan pegawai yang boleh dilepaskan untuk Cuti Belajar pada Sesi 2024/2025 kelak. Sekiranya kesemua pegawai yang diperakukan oleh Jabatan berjaya ditawarkan Cuti Belajar ini, Ketua Jabatan berkenaan adalah dikehendaki **memberi pelepasan** kepada mereka untuk menjalani pengajian.
3. Bahagian Pengurusan Latihan, KKM berhak membatalkan permohonan yang didapati tidak mematuhi syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.

## SEBARANG PERTANYAAN BERHUBUNG PERMOHONAN TAWARAN A UNTUK MENGIKUTI KURSUS DALAM PERKHIDMATAN SECARA SEPENUH MASA PERINGKAT SARJANA/ PH.D,

### SILA HUBUNGI:

Urus setia Tawaran A,  
Program Kepakaran 1,  
Bahagian Pengurusan Latihan  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Telefon: 03-8885 0600 sambungan 6133  
e-mel: ehlp1@moh.gov.my